



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

Ruj. Kami: JPV/BKP(S)/500-1/1/5 (2)

Tarikh : 16 Disember 2022

Semua Pengarah Bahagian

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KALI PERTAMA (TBK1) DAN *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KALI KEDUA (TBK2) BAGI JAWATAN GUNASAMA DAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan melaksanakan urusan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK1) dan *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Kali Kedua (TBK2) bagi semua jawatan Gunasama dan Bukan Gunasama Persekutuan. Sehubungan itu kerjasama pihak YBrs. Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengemukakan maklumat pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan Kenaikan Pangkat TBK1 dan TBK2 ini mengikut syarat-syarat seperti yang berikut:

- 2.1 Pegawai berada dalam Gred Lantikan yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 2.2 Genap 13 tahun perkhidmatan sebelum atau pada **31.12.2022**;
- 2.3 Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan pertama / kenaikan pangkat berubah ke tarikh **01.01.2010** dan seterusnya;
- 2.4 Melengkapkan Borang Penilaian Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK1) (**Lembaran UP 3.1.7 (A1)**) / *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Kali Kedua (TBK2) (**Lembaran UP 3.1.7 (B)**);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta (**5 tahun terkini**) berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa; dan
- 2.6 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan.

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan format seperti di **Lampiran A, B, C dan Lembaran A1/B** serta mengemukakan sesalinan dokumen berkaitan. Sila sertakan sesalinan Buku Rekod Perkhidmatan bagi yang berada di pejabat masing-masing.



4. Oleh yang demikian, kerjasama YBrs. Dr./Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai yang terlibat kepada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia sebelum atau pada **30 Januari 2023 (Isnin)**.

5. Dimaklumkan juga adalah menjadi tanggungjawab pihak YBrs. Dr./Tuan/Puan untuk memastikan hanya permohonan pegawai-pegawai yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan pada perenggan 2 sahaja dikemukakan. Permohonan yang dikemukakan perlu disemak dan dibuat pengesahan supaya maklumat yang dikemukakan adalah tepat. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima akan mengganggu proses urusan kenaikan pangkat pegawai.

6. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung urusan ini, YBrs. Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi terus pegawai-pegawai seperti yang berikut:

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 6.1 | Puan Nur Hidayah binti Zainol (nurhidayah@dvs.gov.my) | - | 03-88702324 |
| 6.2 | Puan Nur Ain binti Mabadar (ain.mabadar@dvs.gov.my) | - | 03-88702341 |
| 6.3 | Cik Rosniyanti binti Md Sheriff (rosniyanti.sheriff@dvs.gov.my) | - | 03-88702342 |

7. Perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh pihak YBrs. Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian terima, kasih.

“VETERINAR KOMPETEN MASYARAKAT SEJAHTERA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SYAIFENA BINTI ZAINUDDIN)

Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

s.k KPPV
TKPPV(KV)
TKPPV(P)